

**PUSAT HAL EHWAL PELAJAR (HEP-UKM)
UNIVERSITI KEBANGSAAN MALAYSIA**

SENARAI SEMAK PERMOHONAN PENUBUHAN PERSATUAN BARU

NAMA PERSATUAN: _____

Mohon lengkapkan maklumat dibawah:

- Surat iringan
- Borang B1 yang lengkap diisi
- Borang B2 yang lengkap diisi
- Kertas kerja penubuhan persatuan
- Surat sokongan dari pihak Fakulti/Kementerian/PTj/Industri
- Senarai seratus (100) orang pelajar yang menyokong penubuhan

Maklumat Pemohon (Presiden):-

Nama : _____

No. Matrik : _____

No. Telefon : _____

E-mel : _____

Peringatan:-

1. Borang permohonan yang lengkap diisi hendaklah dihantar ke alamat berikut:
Ketua
Unit Pembangunan Sahsiah Pelajar (UPSP)
Pusat Hal Ehwal Pelajar (HEP-UKM)
Universiti Kebangsaan Malaysia.
@ emel kepada urus setia Puan Emielia Bydzura : emielia@ukm.edu.my
2. Sila kembalikan senarai semak ini bersama borang permohonan penubuhan persatuan.



UNIVERSITI KEBANGSAAN MALAYSIA
STATUT UNIVERSITI KEBANGSAAN MALAYSIA
(BADAN-BADAN PELAJAR) 1992
(Perenggan 3)

BORANG 1

PERMOHONAN UNTUK MENUBUHKAN BADAN PELAJAR

Kepada:

Naib Canselor
Universiti Kebangsaan Malaysia.

Melalui:

Timbalan Naib Canselor
Hal-Ehwal Pelajar & Alumni
Universiti Kebangsaan Malaysia.

Kami, pelajar-pelajar Universiti Kebangsaan Malaysia yang tersebut di bawah ini, memohon untuk membentuk satu badan pelajar di bawah seksyen 49 Perlembagaan Universiti Kebangsaan Malaysia. Butir-butir berkenaan dengan diri kami dan badan pelajar yang dicadangkan adalah dinyatakan di bawah ini:

I. Butir-butir pemohon-pemohon dan tandatangan-tandatangan mereka (MT & Exco):

BIL.	NAMA	NOMBOR PENDAFTARAN	JANTINA	FAKULTI	TAHUN	TANDATANGAN
1.						
2.						
3.						
4.						
5.						

6.						
7.						
8.						
9.						
10.						

II. Nama badan pelajar yang dicadangkan:

.....

III. Tujuan atau kepentingan badan pelajar yang dicadangkan:

.....
.....
.....

IV. Kelayakan menjadi ahli badan pelajar yang dicadangkan:

.....
.....
.....

V. Anggaran bilangan pelajar yang layak menjadi ahli (sekurang-kurangnya 70 orang):

.....

VI. Anggaran bilangan pelajar yang dijangka akan memohon menjadi ahli:

.....

VII. Perlembagaan badan pelajar yang dicadangkan adalah di lampirkan:

.....
.....
.....
.....

VIII. Alamat bagi persuratan rasmi:

.....
.....
.....
.....

IX. Nyatakan matlamat Pertubuhan/Kelab (rujuk matlamat UKM sebagai panduan)

.....
.....
.....
.....
.....
.....
.....

Tarikh:



UNIVERSITI KEBANGSAAN MALAYSIA
STATUT UNIVERSITI KEBANGSAAN MALAYSIA
(BADAN-BADAN PELAJAR) 1992
(Perenggan 3(2))

BORANG 2

Perlembagaan

1. Nama badan pelajar: *Nama*
.....

2. Tujuan atau kepentingan badan pelajar: *Tujuan atau
kepentingan*
.....
.....
.....
.....
.....
.....
.....
.....
.....
.....
.....
.....

3. Kelayakan menjadi ahli badan pelajar: *Kelayakan menjadi ahli*
.....
.....

4. (1) Badan pelajar hendaklah mengadakan mesyuarat agung tiap-tiap tahun sebelum tarikh ulangtahun penubuhannya, tetapi tidak lebih daripada satu bulan sebelum tarikh tersebut, untuk memilih pemegang-pemegang jawatan bagi tahun yang akan datang. *Mesyuarat Agong
Tahunan*

(2) Majlis Eksekutif hendaklah memberi notis tidak kurang daripada sepuluh hari mengenai mesyuarat agung tersebut kepada ahli-ahli badan pelajar dan kepada Pendaftar Badan-badan Pelajar.

(3) Pendaftar Badan-badan pelajar boleh hadir dalam mesyuarat tersebut dan dia boleh mengawasinya atau memberi apa-apa arahan mengenainya yang difikirkan patut.

(4) Satu salinan minit mesyuarat tersebut hendaklah dihantar oleh Setiausaha kepada Pendaftar Badan-badan Pelajar.

5. (1) Tidak kurang daripada setengah daripada bilangan ahli-ahli badan pelajar boleh meminta Setiausaha memanggil suatu mesyuarat agung badan pelajar itu bagi sesuatu maksud yang hendaklah dinyatakan dalam permintaan itu, dan Setiausaha boleh, dengan terlebih dahulu mendapat kelulusan Pendaftar Badan-badan Pelajar, memanggil mesyuarat itu. *Lain-lain mesyuarat agung*
- (2) Pendaftar Badan-badan Pelajar dalam memberi kelulusannya di bawah subperenggan (1) boleh mengenakan apa-apa terma dan syarat yang difikirkannya patut.
- (3) Pendaftar Badan-badan Pelajar boleh hadir dalam mesyuarat tersebut dan boleh mengawasinya atau memberi apa-apa arahan mengenainya yang difikirkan patut.
- (4) Suatu salinan minit mesyuarat tersebut hendaklah dihantar oleh Setiausaha kepada Pendaftar Badan-badan Pelajar.
6. Badan pelajar hendaklah dalam mesyuarat agung tahunannya memilih di antara ahli-ahlinya seorang Yang DiPertua, seorang Naib Yang DiPertua, seorang Setiausaha dan seorang Bendahari, yang hanyalah mereka ini sahaja menjadi pemegang jawatan, melainkan selainnya dibenarkan secara bertulis oleh Naib Canselor, dan pemegang-pemegang jawatan yang dibenarkan sedemikian oleh Naib Canselor hendaklah dipilih oleh badan pelajar itu daripada ahli-ahli badan pelajar itu. *Pemilihan pemegang-pemegang jawatan*
7. Pemegang-pemegang jawatan badan pelajar hendaklah dipilih selama satu tahun, dan sesuatu kekosongan luarjangka yang berlaku dalam tempoh jawatan seseorang pemegang jawatan hendaklah dipenuhi dengan cara penamaan oleh Majlis Eksekutif selama baki tempoh jawatan pemegang jawatan yang mengosongkan jawatan itu. *Syarat-syarat pemegang jawatan*
8. (1) Pemegang-pemegang jawatan badan pelajar yang dipilih di bawah perenggan 4 hendaklah menjadi Majlis Eksekutif badan pelajar itu dan Majlis Eksekutif hendaklah bertanggungjawab terhadap pengurusan dan perjalanan hal ehwal badan pelajar termasuk menimbangkan permohonan untuk menjadi ahli badan pelajar. *Majlis Eksekutif, mesyuarat dan perintah tetapnya*
- (2) Majlis Eksekutif hendaklah mengadakan mesyuarat dari semasa ke semasa sebagaimana yang difikirkannya perlu dan hendaklah menjadi tugas Setiausaha menyimpan minit tiap-tiap mesyuarat tersebut, dan minit tersebut hendaklah disahkan dalam mesyuarat yang berikutnya.
- (3) Setiausaha hendaklah memberitahu Pendaftar Badan-badan Pelajar mengenai tiap-tiap mesyuarat tersebut tidak kurang daripada empat puluh lapan jam sebelum mesyuarat dan menghantar kepadanya pada masa itu juga suatu salinan agenda mesyuarat itu.
- (4) Pendaftar Badan-badan Pelajar boleh menghadiri mana-mana mesyuarat Majlis Eksekutif dan boleh meminta supaya suatu salinan minit mana-mana mesyuarat Majlis Eksekutif dikemukakan kepadanya dan apabila diminta, minit itu hendaklah dikemukakan dengan segera kepadanya oleh Setiausaha.

- (5) Majlis Eksekutif badan pelajar boleh dari semasa ke semasa membuat perintah tetap untuk mengawal perjalanan mesyuaratnya dengan syarat bahawa perintah tetap itu tidak boleh berlawanan dengan Statut Universiti Kebangsaan Malaysia (Badan-badan pelajar) 1992 atau dengan mana-mana peruntukan lain undang-undang bertulis berhubung dengan Universiti, atau Universiti dan Kolej Universiti amnya, atau dengan mana-mana petunjuk, arahan atau kehendak yang sah yang diberi atau dibuat oleh Majlis atau mana-mana pihak berkuasa Universiti atau oleh mana-mana pegawai atau pekerja Universiti, yang diberikuasa untuk memberi atau membuat petunjuk, arahan atau kehendak itu. Suatu salinan perintah tetap itu, dan apa-apa pindaan padanya hendaklah dihantar oleh Setiausaha kepada Pendaftar Badan-badan Pelajar selepas sahaja ianya dibuat.
9. (1) Badan pelajar boleh membentuk, dari masa ke semasa dengan terlebih dahulu mendapat kelulusan bertulis daripada Naib Canselor, jawatankuasa-jawatankuasa *ad hoc* yang terdiri dari kalangan ahli-ahlinya bagi maksud atau tujuan tertentu. *Jawatankuasa ad hoc dan mesyuaratnya.*
- (2) Jawatankuasa *ad hoc* yang dibentuk dalam subperenggan (1) hendaklah mengadakan mesyuarat dari masa ke semasa sepertimana yang perlu untuk melaksanakan maksud ia ditubuhkan dan minit mesyuarat itu hendaklah disimpan oleh salah seorang daripada ahli-ahlinya.
- (3) Jawatankuasa *ad hoc* hendaklah memberitahu Pendaftar Badan-badan Pelajar mengenai tiap-tiap mesyuarat itu tidak kurang daripada empat puluh lapan jam sebelum mesyuarat dan hendaklah pada masa yang sama menghantar kepada Pendaftar suatu salinan agenda mesyuarat itu.
- (4) Pendaftar Badan-badan Pelajar boleh hadir dalam mana-mana mesyuarat jawatankuasa *ad hoc* dan boleh meminta suatu salinan minit mana-mana mesyuarat jawatankuasa *ad hoc* dikemukakan kepadanya dan apabila diminta, minit mesyuarat itu hendaklah dikemukakan kepadanya dengan segera oleh jawatankuasa *ad hoc* itu.
10. Keputusan mesyuarat agung badan pelajar atau Majlis Eksekutifnya, atau mana-mana jawatankuasa *ad hoc* badan pelajar itu hendaklah dibuat dengan undi lebih suara dengan tidak kurang daripada dua pertiga daripada jumlah ahli yang hadir dan mengundi. *Keputusan lebih suara dengan kuorum tidak kurang daripada dua pertiga.*
11. (1) Majlis Eksekutif badan pelajar itu hendaklah menyenggara suatu daftar ahli-ahli badan pelajar itu dalam bentuk yang boleh diarahkan oleh Pendaftar Badan-badan Pelajar, dan hendaklah mengemukakan, daftar itu untuk pemeriksaan apabila dikehendaki olehnya. *Daftar ahli-ahli.*
- (2) Tiap-tiap seorang ahli badan pelajar hendaklah diuntukkan suatu nombor mengikut siri berturut-turut.

12. Badan pelajar atau Majlis Eksekutifnya atau mana-mana jawatankuasa *ad hoc* badan pelajar itu tidak dibenarkan menyenggara apa-apa kumpulan wang atau memungut apa-apa wang atau harta benda daripada mana-mana sumber sekalipun, tetapi apa-apa perbelanjaan yang berpatutan sebagaimana dibenarkan terlebih dahulu oleh Naib Canselor secara bertulis untuk dilakukan oleh badan pelajar itu boleh dibayar oleh Universiti jika tuntutan bertulis yang berpatutan disokong dengan resit dan baucer dikemukakan oleh badan pelajar itu kepada Naib Canselor dan diluluskan oleh Naib Canselor.
- Badan pelajar atau Majlis Eksekutifnya atau jawatankuasa ad hoc tidak dibenarkan menyenggara kumpulan wang atau memungut wang.*
13. Bendahari hendaklah menyimpan akaun badan pelajar dengan wajar dan tidak lewat daripada tiga bulan selepas akhir tiap-tiap tahunan kewangan, iaitu tahun kewangan yang dinyatakan oleh Naib Canselor, suatu salinan akaun tersebut yang hendaklah diaudit oleh seorang yang dilantik oleh Majlis hendaklah dikemukakan oleh badan pelajar untuk kelulusan Majlis.
- Tugas-tugas bendahari.*
14. Seorang pelajar yang tindakan tatatertib terhadapnya belum lagi selesai atau yang telah didapati bersalah atas suatu kesalahan tatatertib, tidak boleh dipilih atau terus menjadi ahli atau pemegang jawatan bagi badan pelajar atau bagi mana-mana jawatankuasa *ad hocnya* melainkan dibenarkan secara bertulis oleh Naib Canselor.
- Hilang kelayakan akibat tindakan tatatertib.*
15. Seorang pelajar yang belum lagi masuk peperiksaan pertama dalam Universiti untuk kursus pengajiannya atau yang telah gagal, atau tidak hadir untuk, peperiksaan akhir yang diadakan oleh Universiti untuk kursus pengajiannya sebelum sahaja pemilihan-pemilihan yang dicadangkan oleh badan pelajar itu, atau untuk oleh Majlis Eksekutifnya akan hilang kelayakannya daripada dipilih dalam pemilihan atau pemilihan-pemilihan itu.
- Hilang kelayakan akibat tidak menghadiri atau gagal dalam peperiksaan.*
16. (1) Badan pelajar, atau Majlis Eksekutifnya atau mana-mana jawatankuasa *ad hoc*, tidak boleh mempunyai seorang penaung atau penasihat, dan tidak boleh meminta atau membenarkan mana-mana orang selain daripada ahli, melibatkan diri dengan apa-apa cara dalam pengurusan, aktiviti-aktiviti atau fungsi-fungsinya.
- Badan pelajar tidak boleh mempunyai seseorang yang bukan ahli melibatkan diri dalam pengurusan atau aktiviti-aktivitinya.*
- (2) Subperenggan (1) tidak boleh terpakai jika seseorang pegawai atau seseorang kakitangan atau seorang pekerja Universiti menguruskan atau berkaitan dengan apa-apa cara sekalipun dengan badan pelajar atau dengan mana-mana ahli, atau pemegang jawatan badan pelajar atau mana-mana jawatankuasa *ad hocnya* dalam menjalankan tugas-tugasnya sebagai demikian, samada tugas-tugas itu di bawah Statut ini atau selainnya.
17. Badan pelajar hendaklah menurut dan mematuhi dengan sewajarnya peruntukan-peruntukan Akta Universiti dan Kolej Universiti 1971. Perlembagaan Universiti Kebangsaan Malaysia. Kaedah-kaedah Universiti Kebangsaan Malaysia (Tatatertib Pelajar) 1975. Statut Universiti Kebangsaan Malaysia (Badan-badan Pelajar) 1992, dan semua petunjuk, arahan atau kehendak yang sah yang diberi atau dibuat oleh Majlis, atau mana-mana pihak berkuasa Universiti atau oleh mana-mana pegawai atau pekerja Universiti, yang diberikuasa untuk memberi atau membuat petunjuk, arahan atau kehendak tersebut.
- Badan pelajar hendaklah menurut dan melaksanakan peruntukan undang-undang berhubung dengan Universiti dsb.*
- Akta 30 P.U.(A) 111/74.*

Senarai Nama Seratus (100) Orang Pelajar Yang Menyokong Penubuhan

Bil.	Nama	Matrik	Fakulti	Tahun Pengajian	Tanda-tangan
1.					
2.					
3.					
4.					
5.					
6.					
7.					
8.					
9.					
10.					
11.					
12.					
13.					
14.					

**Senarai nama yang sama akan diserap sebagai ahli sekiranya penubuhan diluluskan